

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI ROSLI BIN ISA  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM**

**BERSEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN DAN PELANCARAN  
PROGRAM SEKOLAH TUNAS HIJAU FASA III - PERAK**

**PADA**

**10 JULAI 2023 (ISNIN)  
9.00 PAGI**

**BERTEMPAT DI**

**ROYAL PERAK GOLF CLUB, IPOH, PERAK**

---

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Yang Berusaha Tuan Mohamad Fauzi Mahson  
Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Perak

Yang Berhormat Encik Khairuddin Abu Hanipah  
Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan  
Negeri Perak

Yang Berusaha Profesor Dr. Azlan Amran  
Timbalan Naib Canselor  
Bahagian Jaringan Industri, Masyarakat dan Kelestarian Institusi

Universiti Sains Malaysia

Yang Berusaha Puan Ivy Wong Abdullah

Ketua Sektor Alam Sekitar

Yayasan Hasanah

1. Terlebih dahulu, saya bagi pihak Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke Majlis Perasmian dan Pelancaran Program Sekolah Tunas Hijau Fasa III – Perak. Sesungguhnya kehadiran tuan-tuan dan puan-puan membuktikan komitmen dan sokongan kepada pihak kementerian dalam usaha kami mempromosikan amalan hijau terutamanya dalam pengurusan sisa plastik sekali guna di negara ini. Pihak kementerian juga telah jelas menyatakan komitmen bagi menuju ke arah sifar penggunaan plastik sekali guna menjelang tahun 2030.
2. Di sini, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Negeri Perak kerana sudi memberi peluang kepada pihak kami, di mana Yayasan Hijau Malaysia (YHM) selaku agensi kementerian yang akan melaksanakan dan menjayakan program ini di peringkat sekolah-sekolah menengah terpilih di negeri Perak. Tidak dilupakan juga kepada Yayasan Hasanah (YH) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang telah memberi sokongan penajaan bagi pelaksanaan program ini dan juga kepada Universiti Sains Malaysia kerana sudi bekerjasama dalam pelaksanaan Program Sekolah Tunas Hijau Fasa III – Perak.
3. Untuk makluman para hadirin sekalian, amalan hijau adalah amalan pengurusan sumber atau aktiviti yang menyumbang kepada

pemeliharaan alam sekitar dan pengurangan penghasilan gas karbon dioksida ( $\text{CO}_2$ ). Jadi, dalam usaha merealisasikan amalan hijau, semua pihak termasuklah golongan profesional, institusi pengajian tinggi, sekolah dan masyarakat awam di Malaysia seharusnya melibatkan diri.

4. Saya telah dimaklumkan bahawa pelaksanaan Program Sekolah Tunas Hijau di Negeri Perak pada kali ini memfokuskan kepada amalan pengurusan sisa plastik sekali guna. Tujuan utama adalah untuk memperkasa pengetahuan, kesedaran dan amalan guru serta murid berkaitan sisa plastik dan kaedah terbaik untuk mengurangkan sisa plastik sekali guna di sekolah.

5. Sekadar perkongsian, di peringkat kementerian, program PlasticBusters telah dilancarkan pada April 2021 untuk menggalakkan perubahan tingkah laku di kalangan warga kementerian dalam menghindari penggunaan plastik sekali guna. Ahli PlasticBusters (warga kementerian/jabatan) yang dilantik bertindak sebagai ejen perubahan dalam membudayakan amalan menghindari penggunaan plastik sekali guna di kalangan warga kementerian dan jabatan terutamanya semasa hidangan makanan dalam mesyuarat dan program rasmi, membeli makanan di kafeteria serta mengamalkan gaya hidup hijau dalam kehidupan seharian. Pada peringkat awal, program PlasticBusters ini diberi penekanan kepada penjawat awam seiring dengan Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Plastik Sekali Guna, 2018 - 2030 dan Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2019 - Pelaksanaan Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna di Kementerian, Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang berkuatkuasa sejak 19 Mac 2019.

Tuan-tuan, Puan-puan yang saya kasihi sekalian.

6. Malaysia merupakan salah satu negara membangun yang paling pesat berkembang. Peningkatan populasi penduduk menyebabkan kadar permintaan terhadap pelbagai keperluan meningkat secara mendadak. Senario ini turut memberi kesan kepada kadar penjanaan sisa pepejal domestik terus meningkat pada saban hari. Sisa plastik mengambil masa ratusan hingga ribuan tahun untuk mereput, berupaya membebaskan gas beracun yang membahayakan kesihatan manusia dan juga telah mencemari serta memusnahkan hidupan laut. Jika sisa plastik tidak diuruskan dengan baik, ia bakal menjelaskan kesejahteraan alam sekitar dan kualiti hidup di masa hadapan.

7. Masyarakat dunia kini juga menghadapi tiga cabaran utama, iaitu isu perubahan iklim, kelestarian sumber semula jadi dan juga pencemaran sisa plastik. Ketiga-tiga isu ini harus ditangani secara kolektif dan efektif. Satu pendekatan yang kritis amatlah penting. Walaupun berulang kali masyarakat didedahkan dengan kepentingan memelihara dan memulihara sumber alam, namun agak sukar untuk mengubah gaya hidup masyarakat yang sudah terbiasa dengan budaya lama. Oleh itu, usaha mendidik masyarakat perlu dilaksanakan secara berterusan di segenap lapisan masyarakat terutamanya di peringkat bawah lagi iaitu bermula dari peringkat persekolahan.

Para hadiri yang saya hormati sekalian.

8. Penjanaan sisa plastik yang kian meningkat dari hari ke hari memerlukan komitmen daripada segenap lapisan masyarakat. Oleh itu, pemindahan ilmu berkaitan dengan amalan terbaik dalam pengurusan sisa plastik sekali guna perlu dilaksanakan bagi mewujudkan kesedaran

dalam kalangan masyarakat. Salah satu kaedah yang paling berkesan ialah dengan mendidik murid sekolah bermula daripada peringkat pra sekolah, rendah, menengah dan seterusnya. Kandungan mata pelajaran kurikulum dan aktiviti kokurikulum sekolah perlu diterapkan dengan kesedaran pengurusan sisa plastik sekali guna disertai amalan-amalan hijau yang lain dan juga aplikasi Teknologi Hijau.

9. Pembentukan sikap seorang bakal pemimpin masa hadapan yang cintakan alam di kalangan murid hendaklah diusahakan bersungguh-sungguh agar ia terus menjadi sebahagian daripada budaya dalam masyarakat. Saya juga percaya, kementerian saya dan juga Jabatan Pendidikan Negeri Perak menanam hasrat yang sama untuk melahirkan serta membangunkan bakat murid di negeri Perak yang mempunyai nilai etika dan rasa tanggungjawab dalam mengharungi cabaran di masa hadapan terutamanya dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

10. Kejayaan dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di negeri Perak memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Adalah menjadi harapan pihak kementerian agar semua lapisan masyarakat dapat berganding bahu dan membentuk sinergi bagi melindungi alam sekitar dan seterusnya menjadikan Malaysia sebuah negara yang berteraskan pembangunan lestari. Oleh itu, marilah kita semua menyemarakkan lagi kecintaan kepada alam sekitar dan menyemai semangat untuk bersama-sama bertanggungjawab memelihara alam sekitar demi kesejahteraan semua.

11. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Yayasan Hijau

Malaysia, Yayasan Hasanah, Kementerian Kewangan Malaysia dan juga Universiti Sains Malaysia serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pada pagi ini. Semoga kerjasama dan sokongan daripada semua pihak ini akan terus berkekalan.

12. Maka dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Pelancaran Program Sekolah Tunas Hijau Fasa III - Perak, bersama-sama lah kita mengamalkan gaya hidup hijau demi masa hadapan generasi akan datang.

13. Sekian, Wa'l-Lahu a'lam bissawab. Wa'l-hamdu li'l-Lahi Rabbil 'alamin. Wa salatu wassalam 'ala Muhammad. Wa 'ala alihi wa sahabihu ajma 'in.

Sekian, terima kasih.